

Kefahaman dan Kesediaan Pengguna Terhadap Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST): Satu Tinjauan Awal

Hussin Abdullah
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan
Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia
E-mail: hussin2141@uum.edu.my

Aeefi Alghazali Mohd Idrus
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan
Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia
E-mail: fifa_idrus@yahoo.com

Normala Mehat
Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru, Kampus Perlis
E-mail: normala64@yahoo.com

ABSTRAK

Rakyat Malaysia sedia maklum bahawa kerajaan tetap akan melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) walaupun kerajaan memerlukan masa yang lebih panjang. Cukai GST ini dikatakan mahu menambahkan pendapatan negara yang sekarang ini banyak bergantung kepada royalti minyak yang dibekalkan oleh Petronas. GST diwar-warkan sebagai cara sumber pendapatan kerajaan terbaik dan dilihat lebih adil kepada semua tidak kira kepada golongan kaya, pertengahan mahupun kelompok bawahan. Namun adakah rakyat Malaysia faham mengapa GST perlu dilaksanakan walaupun telah dimaklumkan sebelum ini? Bersediakah rakyat Malaysia menerima dan mengamalkan GST apabila ianya dilaksanakan? Kertas kajian ini menggunakan data primer iaitu soal selidik. Responden kajian adalah terdiri daripada mereka yang bekerja di kawasan utara Kedah dan Perlis dan diambil secara rawak mudah. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan hampir 70% responden faham tentang perancangan kerajaan untuk melaksanakan GST, namun mereka secara keseluruhan belum lagi bersedia. Dicadangkan pihak yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan yang lebih di dalam menyampaikan maklumat tentang keperluan negara melaksanakan GST kepada rakyat Malaysia.

Kata Kunci: pelaksanaan GST, kefahaman, kesediaan

ABSTRACT

Malaysians are well aware that the government will still implement Goods and Services Tax (GST), although the government needs more time. GST tax is said to want to increase the income of the country now relies heavily on oil royalties supplied by Petronas. GST is touted as the best way of government revenue sources and seen fairer to all no matter the rich, middle class or lower cluster. But not all Malaysians understand why GST should be implemented even been informed of this before? Malaysians will not adopt the GST when it was done? This paper uses primary data of the questionnaire. Respondents were comprised of those working in the northern Kedah and Perlis and were chosen. The findings of this study showed that nearly 70% of the respondents understand the government's plan to implement the GST, but overall they are not prepared. Suggested responsible parties should play a greater role in delivering information about the country's need to implement the GST to Malaysians.

Keywords: GST implementation, understanding people, readiness

PENGENALAN

Pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara itu dilihat dari beberapa faktor penentu seperti penggunaan, pelaburan, perbelanjaan kerajaan dan eksport bersih. Hasil cukai adalah merupakan penyumbang utama kepada jumlah hasil kerajaan. Perbelanjaan kerajaan juga banyak bergantung kepada hasil cukai yang berjaya dikutip dari pelbagai sektor yang menjalankan aktiviti ekonomi di dalam negara ini. Kerajaan dapat melaksanakan pelbagai projek yang dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan dalam jumlah hasil cukai yang ada. Namun begitu, pada tahun 2010, Malaysia masih mencatatkan nisbah hasil cukai kepada KDNK yang paling rendah berbanding 34 buah negara maju yang lain, nisbah yang di catat oleh Malaysia adalah sebanyak 19.5% dan nilai ini secara relatifnya terlalu rendah. Oleh yang demikian, akibat dari nisbah hasil cukai kepada KDNK yang terlalu rendah, Malaysia mengalami kekurangan hasil cukai, akhirnya memberi kesan kepada kerajaan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan (BNM, 2010).

Akibat dari hasil kerajaan yang tidak mencukupi itu, kesan terbesar yang terpaksa dihadapi oleh kerajaan adalah kedudukan kewangan kerajaan yang cenderung defisit. Di Malaysia, sistem percukaian yang diamalkan dilihat mempunyai asas yang sempit kerana terlalu bergantung kepada cukai pendapatan. Dalam keadaan ini, jika sekiranya keuntungan syarikat berkurangan, maka jumlah kutipan cukai pendapatan juga berkurangan dan ini sedikit sebanyak mempengaruhi hasil kerajaan.

Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) merupakan cukai penggunaan menyeluruh dan ia menjadi mekanisme kerajaan di seluruh dunia untuk mengutip hasil selain menangani masalah defisit bajet. Malaysia tidak terkecuali, bertepatan dengan saranan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, menjadi satu tanggungjawab kerajaan untuk membuat penambahbaikan keatas sistem cukai sedia ada iaitu dengan mereformasikan sistem cukai supaya menjadi lebih mudah, telus dan lebih cekap. Reformasi cukai juga perlu untuk meningkatkan hasil dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Pelaksanaan GST akan membolehkan kerajaan menurunkan kadar cukai pendapatan tidak kira bagi individu mahupun korporat dan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing bagi menarik pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di dalam negara ini.

GST bukanlah satu cukai yang baru, sehingga kini terdapat sejumlah 146 buah negara telah mengaplikasikan sistem GST ini. Diperkenalkan di negara Perancis sekitar tahun 1954, ianya diguna luas seantero dunia. Malahan Malaysia merupakan antara negara terakhir ASEAN yang akan memperkenalkannya. Manakala Brunei dan Myanmar adalah antara negara ASEAN yang masih belum mengadaptasikan sistem ini. Di sesetengah negara, GST turut dikenali sebagai Value Added Tax (VAT). Antara negara-negara Asia yang telah mengguna pakai sistem ini dan kadarnya masing-masing adalah China (17%), Indonesia (10%), Thailand (7%), Singapura (7%) dan Filipina (12%). Kastam Diraja Malaysia dijangka akan mentadbir GST bagi pihak kerajaan. Walaubagaimanapun, kerajaan dijangka akan mengumumkan paras had (threshold amount) di mana organisasi perniagaan yang jualan tidak mencecah had tersebut tidak perlu untuk berdaftar dan mengenakan GST ke atas pelanggannya (Utusan Malaysia, 2009).

Terdapat beberapa kelebihan GST ini yang dilihat lebih komprehensif, efisien, efektif, telus dan mesra perniagaan berbanding cukai jualan dan perkhidmatan (SST). Salah satu daripadanya adalah, pelaksanaan GST ini dikatakan akan meningkatkan jumlah kutipan hasil kerajaan dan seterusnya membolehkan lebih banyak projek pembangunan dapat dilaksanakan. Pada masa kini suatu keadaan yang tidak sihat berlaku apabila masalah kebergantungan ekonomi Malaysia terhadap sumber hasil berasaskan petroleum seperti cukai pendapatan petroleum, duti eksport, dividendan lain-lain adalah tinggi iaitu kira-kira 40% daripada jumlah hasil kerajaan. Malaysia tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada sumber pendapatan berasaskan petroleum memandangkan bahan tersebut lama kelamaan akan susut. Oleh itu pelaksanaan GST ini dilihat dapat mengatasi masalah kebergantungan di atas. Kelemahan sistem SST dapat dilihat dari sudut pengenaan cukai yang berganda dan cukai yang bertingkat. Andaikata terdapat sebuah syarikat korporat yang menjalankan perkhidmatan kejuruteraan yang bebas untuk melaksanakan kerja-kerja mereka, maka kos-kos yang sepatutnya ditanggung oleh syarikat tersebut dilepaskan kepada pengguna berdasarkan cukai perkhidmatan yang dikenakan keatas perkhidmatan yang ditawarkan, cukai perkhidmatan syarikat tersebut merupakan nilai yang telah dinaikkan kerana terdapatnya elemen cukai tersebut. Kesannya pengguna terpaksa menanggung cukai berganda.

Sebaliknya, masalah seperti ini tidak berlaku dalam kaedah GST. Kaedah GST merupakan cukai kepenggunaan yang dikenakan pada setiap peringkat pengagihan dan pengedaran. Kaedah ini juga membenarkan peniaga menuntut kembali GST yang di bayar ke atas input perniagaan. Ini merupakan salah satu tarikan yang menarik minat sektor perniagaan untuk berdaftar sebagai syarikat GST. Kadar cukai GST terdiri daripada tiga kategori iaitu berkadar seragam, berkadar sifar dan barangan yang dikecualikan daripada GST. Manakala bagi barangan dan perkhidmatan yang dikenakan

GST iaitu yang berkadar sifar, peniaga dibenarkan menuntut kembali GST yang dikenakan ke atas input perniagaan, manakala bagi barangan yang dikecualikan daripada GST, peniaga tidak dibenarkan menuntut kembali GST yang di bayar ke atas input perniagaan (Abdul Aziz Awang, 2010)

Dalam sistem percukaian yang dilaksanakan ketika ini, golongan berpendapatan rendah tidak dikenakan cukai. Namun begitu, selepas pelaksanaan GST, golongan ini bakal dikenakan cukai secara tidak langsung yang dipindahkan melalui barangan dan perkhidmatan. Keadaan ini akan membebaskan mereka tetapi tidak kepada golongan kaya yang mendapat kelebihan kerana tidak perlu membayar cukai yang tinggi serta beberapa cukai yang dikecualikan. Semua golongan juga dikatakan bimbang apabila GST dilaksanakan akan menyebabkan berlaku kenaikan harga yang melambung bagi barangan dan perkhidmatan. Sehubungan itu, kertas kerja ini ingin mengkaji sama ada kebimbangan yang dirasai oleh setiap golongan ini disebabkan mereka masih belum faham mengenai GST atau belum bersedia untuk melibatkan diri dalam pelaksanaan GST nanti.

SOROTAN KARYA

Terdapat beberapa kajian lepas yang dibuat tentang reformasi percukaian ini di Malaysia yang menyentuh tentang awal kewujudan reformasi percukaian ini. Devlin (2009) ada menyebut di dalam kajiannya tatkala kerajaan mengambil langkah dalam memperkenalkan satu sistem percukaian baru iaitu cukai barangan dan perkhidmatan yang menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan perlu diberikan pujian kerana usaha untuk menguruskan tempoh peralihan dan kaedah pelaksanaannya adalah sangat penting. Objektif utama reformasi percukaian ini dibuat adalah bertujuan untuk melindungi sektor barangan dan perkhidmatan secara meluas dan efektif dan memberi kesan kepada sumber pendapatan negara yang lebih stabil. Bagaimanapun, untuk menjadikan sistem baru ini lebih berkesan, suatu pendedahan yang mendalam dan terperinci berkaitan sistem baru ini harus dibuat kepada semua sektor, sama ada sektor swasta mahupun sektor awam, ini bertujuan untuk menghasilkan satu sistem pengurusan yang lebih telus. Dalam membuat perancangan dan melaksanakan sistem baru ini, kerajaan boleh mengambil contoh dari negara-negara yang terlebih dahulu mengamalkan sistem tersebut, seperti contoh United Kingdom, New Zealand, Australia dan Singapura.

Chan (2010) mengatakan bahawa pada dasarnya, GST boleh ditakrifkan sebagai satu sistem cukai yang dikutip secara berperingkat pada setiap peringkat pengeluaran dan pengagihan sesuatu barangan mahupun perkhidmatan. Ianya juga dikenali sebagai cukai yang terletak diantara cukai yang dikenakan ke atas jualan dan cukai yang dikenakan ke atas belian. GST menggambarkan kepada kita bahawasanya keperluan kerajaan bagi memastikan peningkatan dalam aliran jumlah hasil bagi tahun yang akan datang dengan melakukan pengembangan ke atas sistem percukaian. Sistem GST akan dilaksanakan sama seperti apa yang telah dilaksanakan di negara-negara lain yang telah pun melaksanakan sistem tersebut. Terdapat dua kadar yang akan digunakan iaitu pertama, cukai berkadar sifar, dimana kadar ini dikenakan ke atas kebanyakan barangan dan perkhidmatan yang di eksport dari Malaysia. Manakala kadar yang kedua adalah cukai yang berkadar piawai, setakat ini, kadar cukai piawai yang ditetapkan oleh kerajaan adalah sebanyak 4%. Kadar GST di Malaysia secara relatifnya lebih rendah berbanding dua negara lain iaitu 7% di Singapura dan 10% di Indonesia (Getting GST-ready, 2009). Setiap pembekal yang membekalkan barangan atau perkhidmatan yang boleh dicukaikan bertanggungjawab untuk memastikan cukai GST tersebut dikutip daripada pelanggan. Setiap perniagaan yang berdaftar yang meletakkan cukai berkadar piawai mahupun cukai berkadar sifar layak untuk menyamaratakan cukai GSTnya sekiranya bahan-bahan yang dibekalkan oleh pengeluar menggunakan input yang telah pun dikenakan cukai ke atas input berkenaan (cukai input), ini juga dikenali sebagai kredit cukai input. Ini bagi memastikan bahawa, dalam setiap keadaan, GST tidak sepatutnya menambahkan kos kepada pengeluar sebagaimana yang sistem cukai sedia ada. Pada dasarnya, GST seharusnya hanya ditanggung oleh pengguna akhir.

Namun begitu menurut Nor Zahidi Alias (2012), kaedah diatas tidak diboleh diterima pakai ke atas beberapa entiti di dalam ekonomi yang menyediakan perkhidmatan seperti institusi kewangan, pemaju-pemaju perumahan, sektor pendidikan dan kesihatan. Bagi entiti-entiti yang disebutkan di atas, tidak akan dikenakan sebarang GST ke atas perkhidmatan yang disediakan. Mereka juga tidak mempunyai hak untuk menuntut kembali cukai yang dikenakan ke atas input pengeluaran dalam proses menyediakan perkhidmatan yang mereka sediakan. Ini bermakna, cukai input ini akan menjadi kos kepada entiti tersebut, sama ada ianya menjadi tanggungan kepada entiti ataupun kos berkenaan akan dikenakan ke atas pengguna. Terdapat beberapa negara yang mengamalkan GST, memberi sedikit kelebihan kepada entiti seperti ini untuk mengenakan kredit cukai input ke atas perkhidmatan yang mereka sediakan. Setakat ini, kerajaan masih belum menentukan sama ada kelebihan tersebut akan diberi kepada pembekal perkhidmatan seperti di atas.

Singh(2007) telah membuat kajian bahawa terdapat beberapa kebaikan pelaksanaan sistem GST ini yang boleh kita pertimbangkan mengapa GST perlu dan patut untuk dilaksanakan di Malaysia. Salah satu dari kebaikan mengapa GST perlu dilaksanakan adalah kerana melalui kaedah ini negara akan mewujudkan sistem cukai yang baru dan stabil, dimana keadaan ini akan menyumbang kearah kedudukan ekonomi yang lebih baik dan mapan. Ini sekaligus dapat mengurangkan defisit kewangan negara, terutamanya dengan jangkaan yang dibuat terhadap pengurangan hasil petroleum dalam masa beberapa tahun dari sekarang.

Menurut Singh(2007) lagi, kebaikan yang keduanya adalah dilihat daripada segi pelaksanaan sistem itu sendiri, dimana sistem GST ini beroperasi menggunakan mekanisma penilaian sendiri dan koleksi, menurut perspektif kerajaan ini merupakan suatu sistem yang efisien. Selain itu juga, sistem ini membantu mereka yang terlibat dengan sistem cukai ini melaporkan maklumat GST mereka dengan tepat. Ini bagi memastikan bahawa mereka boleh menuntut semula kredit-kredit input mereka. Oleh itu, pematuhan keatas GST bergantung kepada faedah yang akan diterima pembayar cukai, bukan semata-mata dikawal oleh penalti-penalti terhalang sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kos pentadbiran dan kos pematuhan GST yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang perlu dipertimbangkan oleh pengguna.

Menurut Bhupalan dan Renuka (2011) dalam usaha untuk merealisasikan pelaksanaan GST ini, kerajaan bermati-matian melawan persepsi negatif yang dilemparkan oleh pelbagai pihak. Perkara yang paling penting yang menjadi isu kepada mereka adalah pelaksanaan GST akan menyebabkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Ini telah dibahaskan sebelum ini bahawa dengan penetapan kadar GST sebanyak 4% yang mana secara relatifnya lebih rendah berbanding cukai sedia ada iaitu cukai jualan dan perkhidmatan (SST) iaitu pada kadar 6% dan 10% setiap satu (Malaysian Bussiness, 2011). Ini jelas menunjukkan bahawa GST tidak akan menyebabkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Tambahan lagi, kerajaan telah menggubal Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), 2011) dengan pendekatan mekanisma ini, cukup untuk menjawab hujah tentang isu yang telah diutarakan oleh sesetengah pihak berkaitan kenaikan harga akibat pelaksanaan GST. Dengan kewujudan akta serta penguatkuasaan oleh pihak berwajib boleh mengembalikan semula keyakinan pihak-pihak tertentu terhadap pelaksanaan GST.

Kelemahan yang kedua yang menjadi perhatian pelbagai pihak adalah kadar cukai GST akan meningkat dari masa ke semasa, merujuk kepada implimentasi yang dilakukan oleh negara-negara yang telah melaksanakan sistem ini. Singapura salah satu negara yang telah melaksanakan GST dan kadar GST nya juga meningkat dari tahun ke tahun, 3% pada tahun 1994, 4% pada tahun 2003, dan 7% pada tahun 2007. Manakala bagi New Zealand, kadar GST pada peringkat pengenalan adalah sebanyak 10% pada tahun 1986 kadar ini meningkat lebih tinggi kepada 15% pada tahun semasa (Business and Economics, 2011).

Kelemahan yang ketiga pula dilihat dari sudut pengecualian GST (GST berkadar sifar) yang diberikan kepada sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan kesihatan dan pendidikan swasta. Sektor-sektor yang terlibat dalam pengecualian ini, pengeluar barangan dan perkhidmatan seperti ini tidak boleh menuntut balik cukai input yang dikenakan keatas setiap pengeluaran mereka, oleh itu pada dasarnya memang kita lihat bahawa sektor yang mendapat pengecualian ini tidak dikenakan sebarang cukai, namun pada hakikatnya, beban cukai input tersebut kemungkinan akan dialihkan kepada pengguna.

Seringkali kita meletakkan sepenuh perhatian kita keatas perubahan turun naik tingkat inflasi, tetapi perlu juga diambil perhatian keatas eksport Malaysia. Seperti yang kita tahu bahawa, eksport adalah salah satu daripada item yang diletakkan di bawah cukai berkadar sifar, menunjukkan bahawa semakin ramai pengeluar- pengeluar yang perlu untuk menanggung kos cukai yang dikenakan keatas input pengeluaran. Setiap pengeluar mula menyatakan rasa kebimbangan mereka, kerana harga mungkin cenderung untuk naik yang akhirnya menyebabkan permintaan terhadap barang-barang eksport akan berkurangan, jika tidak pengeluar terpaksa menanggung kos itu sendiri tanpa memindahkannya kepada pengguna, demi untuk memastikan permintaan keatas barangan eksport kekal stabil.

Berdasarkan Ahkong dan Alain (1993), pada Jun 1993, persidangan parlimen Singapura telah mengumumkan bahawa kerajaan Singapura akan melaksanakan GST di negara mereka pada 1 April, 1994 Sebelum tarikh pelaksanaan tersebut, terdapat beberapa badan yang bertanggungjawab dalam membuat beberapa penambahbaikan ke atas perundangan GST. Sementara itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Singapura (IRAS) telah mula memperkenalkan tentang GST kepada pengguna di Singapura melalui beberapa seminar berkolaborasi dengan sesetengah agensi kerajaan seperti Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Lembaga Pembangunan Perdagangan dan juga agensi-agensi swasta yang terlibat serta badan-badan profesional yang berkaitan. Tujuan seminar berikut dijalankan adalah untuk

menerangkan bagaimana GST memainkan peranan dalam ekonomi dan juga untuk mendapatkan maklum balas tentang bagaimana GST akan memberi kesan kepada beberapa sektor dan industri. Dalam tempoh sebelum perlaksanaan itu juga, jawatankuasa yang dipilih untuk menggubal perundangan GST ini dikehendaki membuat draf cadangan penambahbaikan terakhir ke atas perundangan tersebut, dengan harapan Jawatankuasa yang terpilih dapat melengkapkan perundangan GST sebelum GST benar-benar akan dilaksanakan.

Lim dan Lisa (2007) membincangkan tentang kadarperatusan GST yang di tetapkan oleh kerajaan Singapura. Menurutnya, kerajaan Singapura telah memaklumkan pengguna di negara tersebut bahawa kadarperatusan cukai GST yang akan dikenakan pada tahun pertama pelaksanaan adalah 3% sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun yang pertama. Kerajaan juga memberi jaminan bahawa walaupun setelah tempoh tersebut, berlaku kenaikan % GST, namun keadaan seperti itu tidak akan kekal lama kerana hasil negara masih lagi dapat menampung perbelanjaan negara.

Yeo Kai Eng (2007) mengkaji bagaimana kerajaan Singapura menjalankan “cukai berkadar sifar dan item-item yang di kecuaiikan dari GST”. Ciri penting dalam GST di Singapura yang perlu diambil perhatian ialah perbezaan di antara GST yang dikenakan cukai berkadar sifar dengan barangan dan perkhidmatan yang di kecuaiikan terus dari dikenakan GST. Barangan dan perkhidmatan yang dikenakan cukai berkadar sifar masih lagi tertakluk kepada cukai GST, akan tetapi barangan dan perkhidmatan tersebut dikenakan cukai yang berkadar 0%. Kadar cukai seperti ini melibatkan peniaga-peniaga yang berurusan dengan pasaran eksport sahaja. Peniaga seperti ini dibenarkan untuk membuat tuntutan balik keatas GST yang dibayar keatas input perniagaan. Berbeza keadaannya dengan barangan dan perkhidmatan yang mendapat pengecualian terus dari dikenakan GST, sama ada barangan tersebut memasarkan barangan dan perkhidmatan yang ‘separuh terkecuai’ atau ‘sepenuhnya terkecuai’ tidak berhak membuat tuntutan keatas input perniagaan kerana mereka adalah sebahagian dari kegiatan perniagaan yang mendapat pengecualian dari di kenakan GST.

Menurut Parsch dan Pietrzak(2007), bagi mana-mana peniaga yang mempunyai kedua-dua kategori iaitu terkecuai daripada cukai dan tidak terkecuai daripada cukai, berhak untuk menuntut bayaran balik cukai input yang dikenakan keatas barangan yang ditawarkan yang tergolong dalam barangan yang dikecuaiikan daripada cukai, namun tidak layak menerima bayaran balik jika barangan yang dipasarkan itu adalah barangan yang dikenakan cukai.

METODOLOGI

Kajian tinjau ini menggunakan data primer untuk memperolehi maklum balas dari soal selidik tentang kefahaman serta kesediaan berkenaan pelaksanaan GST daripada responden. Responden kajian tinjauan ini adalah bagi mereka yang bekerja di kawasan utara Kedah dan Perlis dan diambil secara rawak mudah. Manakala analisis deskriptif menerusi frekuensi dan tabulasi silang digunakan bagi menjelaskan ciri-ciri responden dan juga tahap kefahaman dan kesediaan pengguna terhadap perancangan pelaksanaan GST di pihak kerajaan Malaysia.

ANALISIS DATA

Dapatan kajian ini diperolehi daripada beberapa analisis yang melibatkan analisis frekuensi, tabulasi silang (*cross-tab*). Hasil dapatan ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu analisis deskriptif profile responden, kefahaman responden, kesediaan responden dan tabulasi silang. Analisis ini dihuraikan menerusi Jadual 1 hingga Jadual 10 seperti di bawah.

Analisis Deskriptif Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan ciri-ciri responden yang menjadi sampel untuk kajian ini. Seramai 101 sampel telah di gunakan untuk membuat kajian ini. Sampel kajian dikategorikan kepada beberapa ciri-ciri demografi iaitu seperti jantina, umur, kumpulan pekerjaan, tahap pendidikan, tahap pendapatan kasar bulanan, status perkahwinan sampel, status pekerjaan pasangan sampel, pendapatan kasar bulanan pasangan sampel, dan seterusnya jumlah tanggungan sampel termasuk pasangan, anak, dan ibu bapa.

Taburan frekuensi ini menunjukkan bahawa sebanyak 35.6% daripada jumlah sampel adalah terdiri dari golongan lelaki, manakala selebihnya adalah perempuan iaitu sebanyak 64.4% daripada jumlah keseluruhan sampel iaitu 101 orang. Manakala melihat pula kepada taburan umur sampel yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 19.8% iaitu bersamaan dengan 20 orang sampel yang tergolong di

dalam umur 20 hingga 25 tahun, seterusnya 10.9% sampel adalah berada dalam lingkungan umur 26 hingga 29 tahun. Sebanyak 14.9% daripada sampel yang ada merupakan sampel yang beumur 30 hingga 35 tahun. Seterusnya, sampel yang berada dalam lingkungan umur 36 hingga 40 tahun adalah sebanyak 9.9% daripada jumlah keseluruhan sampel kajian. Selain itu juga, sebanyak 6.9% daripada sampel adalah daripada sampel yang berada dalam lingkungan umur 41 hingga 45 tahun. Lingkungan umur 46 hingga 50 tahun mencatatkan sebanyak 16.8% daripada jumlah keseluruhan sampel yang di gunakan di dalam kajian ini. Sampel juga terdiri daripada sampel yang berumur 51 hingga 56 tahun iaitu sebanyak 17.8% dari jumlah keseluruhan sampel. Akhir sekali, di bawah lingkungan umur 56 tahun dan keatas hanya mencatatkan sebanyak 3.0% sampel sahaja.

Sampel juga dikategorikan mengikut kumpulan pekerjaan mereka iaitu Kumpulan A, B, C, D, dan E yang terdiri dari golongan sampel yang mempunyai kelayakan akademik ijazah sarjana muda dan ke atas, diploma, sijil, SPM dan setara dengannya, dan lain-lain kelayakan. Kumpulan A mencatatkan sampel sebanyak 44.6% dari keseluruhan sampel. Manakala kumpulan B, 14.9% daripada keseluruhan jumlah sampel yang digunakan. Kumpulan C pula mencatatkan sebanyak 7.9% daripada jumlah sampel yang ada. 27.7% adalah merupakan sampel yang terdiri daripada golongan kumpulan D, dan yang terakhir adalah kumpulan E yang mencatatkan jumlah sampel sebanyak 5% daripada 101 jumlah sampel yang terlibat.

Tiga kategori sektor pekerjaan yang terlibat dalam kajian ini adalah sektor awam, sektor swasta, dan bekerja sendiri. Majoriti daripada sampel yang terlibat adalah 80.2 % adalah daripada sektor awam. Di ikuti dengan 7.9% sektor swasta, dan 11.9% bekerja sendiri.

Apabila menyentuh mengenai isu percukaian kita tidak dapat lari dari melihat kepada berapa jumlah pendapatan kasar bagi setiap sampel yang terlibat. Sebanyak 29.7% daripada jumlah sampel yang ada mempunyai jumlah pendapatan kasar bulanan mereka sebanyak RM2,501 hingga RM4,000, diikuti pula dengan 23.8% daripada sampel mempunyai jumlah pendapatan kasar bulanan mereka sebanyak RM1,001 hingga RM2,500. Sampel yang mempunyai jumlah pendapatan kasar bulanan kurang daripada RM1,000 adalah sebanyak 17.8%. Sebanyak 10.9% sampel mempunyai jumlah pendapatan kasar bulanan mereka sebanyak RM5,501 hingga RM7,000. RM4,001 hingga RM5,500 mencatat 8.9% sampel mendapat jumlah pendapatan kasar bulanan berikut. Manakala 5.9% selebihnya adalah berpendapatan RM7,001 hingga RM8,500 dan 3.0% sampel menikmati lebih daripada RM 8501 dalam jumlah pendapatan kasar bulanan mereka.

Seterusnya sampel dikelaskan mengikut status perkahwinan, bujang dan berkahwin. Sebanyak 70.3% daripada sampel telah pun berkahwin manakala selebihnya iaitu 29.7% lagi adalah bujang. Bagi pasangan sampel yang telah berkahwin, status pekerjaan mereka juga diambil kira sebagai salah satu pemboleh ubah didalam kajian ini. 62.4% daripada pasangan sampel adalah memegang status bekerja manakala 9.9% lagi tidak bekerja. Rata-rata daripada pasangan sampel memiliki pendapatan kasar bulanan sebanyak RM 1001 hingga RM2,500 iaitu sebanyak 15.8%. Manakala 10.9% untuk dua lingkungan pendapatan iaitu lingkungan RM2,501 hingga RM4,000 dan lingkungan RM4,001 hingga RM5,500. Sebanyak 9.9% daripada pasangan sampel mempunyai pendapatan kasar bulanan sebanyak RM5,501 hingga RM7,000, 3% daripada pasangan sampel mempunyai RM7,001 hingga RM8,500, dan 3% lagi lebih dari RM8,501.

Lebih dari jumlah pasangan sampel iaitu sebanyak 7.9% yang sudah berkahwin tiada pendapatan bulanan kerana tidak bekerja. Selain daripada pendapatan pasangan sampel, jumlah tanggungan juga merupakan faktor penting yang diambil kira kajian ini. Jumlah tanggungan tertinggi dikalangan sampel adalah 16.8% iaitu jumlah tanggungannya sebanyak 3 orang. Diikuti pula dengan tanggungan sebanyak 4 orang, iaitu sebanyak 15.8%, jumlah peratusan ini semakin berkurangan kepada 13.9% pada jumlah tanggungan sebanyak 5 orang. Seterusnya, hanya 8.9% sampel yang mempunyai tanggungan sebanyak 6 orang per keluarga. 4% untuk jumlah tanggungan seorang, 5% untuk sampel yang mempunyai jumlah tanggungan 2 orang dan 7 orang. 2% untuk sampel yang mempunyai tanggungan sebanyak 8 orang, dan 1% untuk sampel yang mempunyai jumlah tanggungannya 9 orang dan 10 orang.

Analisis Kefahaman Responden Terhadap GST

Jadual 2 di bawah menunjukkan frekuensi tahap kefahaman responden terhadap pelaksanaan GST. Beberapa soalan telah dikemukakan di dalam kajian soal selidik. Soalan-soalan merangkumi beberapa aspek asas yang terdapat dalam pelaksanaan GST seperti kadar cukai yang ditetapkan di dalam GST, pengecualian barang dan perkhidmatan di dalam sistem GST ini dan sebagainya. Didapati 77.2% daripada responden tahu mengenai GST, tetapi majoriti responden tidak merasakan bahawa GST sesuai untuk di laksanakan di Malaysia. 52.5% merasakan bahawa GST tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia, manakala 47.5% merasakan ianya sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia. Seterusnya, kita

melihat apakah sumber yang digunakan oleh responden sebagai pengguna untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai GST. Terdapat pelbagai pendekatan boleh digunakan responden untuk mendapatkan maklumat berkaitan GST, samaada melalui laman sesawang, pembacaan akhbar, melalui radio, melalui penceritaan kawan-kawan dan lain-lain. Responden juga mungkin boleh memilih semua pendekatan di atas untuk dijadikan sebagai medium penyampai maklumat. 43.6% daripada responden memilih laman sesawang untuk mengetahui tentang GST, 45.5% adalah melalui pembacaan surat khabar, 30.7% melalui televisyen, 12.9% adalah daripada corong radio, 34.7% adalah melalui penceritaan kawan, dan seterusnya menerusi lain-lain sumber sebanyak 17.8% seperti pembacaan jurnal, artikal, kaunter-kaunter informasi awam dan sebagainya. Walaupun peratusan yang menunjukkan responden tahu mengenai GST adalah tinggi, akan tetapi, mungkin terdapat masalah maklumat tidak selari, kerana peratusan menunjukkan bahawa sebanyak 49.5%, iaitu separuh daripada responden tidak tahu mengenai kadar cukai GST yang dicadangkan oleh kerajaan.

Seterusnya, sebanyak 47.5% responden dilihat tahu mengenai GST yang hanya dikenakan semasa mereka berbelanja sahaja, namun begitu 35.6% masih tidak pasti dan 16.8% lagi tidak tahu tentang kenyataan ini. Walau bagaimanapun, responden yang mewakili pengguna tahu bahawa tidak semua barang dan perkhidmatan akan dikenakan GST. Sebanyak 44.6% daripada responden menyatakan tidak semua barang akan dikenakan GST, diikuti pula dengan 42.6% peratus masih tidak pasti dan 12.9% mengatakan semua barang dan perkhidmatan akan dikenakan GST. Manakala 43.6% daripada responden tahu bahawa barangan dan perkhidmatan asas tidak dikenakan cukai GST, peratusan responden yang tidak pasti dengan perkara-perkara asas berkenaan GST ini iaitu sebanyak 41.6% responden. Manakala 14.9% responden mengatakan mereka tidak tahu bahawa terdapat pengecualian terhadap barang dan perkhidmatan asas dari dikenakan GST.

Analisis Kesediaan Responden terhadap Pelaksanaan GST

Jadual 3 menunjukkan beberapa soal selidik yang telah diberikan kepada responden berkenaan kesediaan mereka menghadapi GST. Beberapa soalan telah diajukan untuk menilai sejauh mana responden bersedia untuk menghadapi pelaksanaan GST dalam mereka berbelanja sama ada perbelanjaan untuk keperluan mahupun perbelanjaan untuk memenuhi kehendak. Responden diberikan pilihan jawapan berbentuk skala, ianya merangkumi skala satu hingga lima yang mana skala satu mewakili "sangat tidak setuju", skala dua "tidak setuju", skala tiga "kurang pasti", skala empat mewakili "setuju" dan yang terakhir skala lima mewakili jawapan "sangat setuju". Apabila ditanyakan adakah mereka bersedia membayar cukai GST sekiranya sistem cukai tersebut dilaksanakan di Malaysia, 23 orang responden bersamaan dengan 22.8% daripada responden dalam kajian ini menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala 13.9% lagi menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju, 32.7% kurang pasti, 25.7% setuju dengan pernyataan tersebut, dan hanya 5.0% sahaja sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Pernyataan kedua berkenaan kesediaan ialah "saya bersedia menerima kesan kebaikan cukai GST" 40.6% daripada responden bersetuju dengan pernyataan ini, namun 29.7% daripada responden tidak pasti akan kesediaan mereka untuk menerima kesan kebaikan GST. Lain-lain responden memberi 9% untuk jawapan sangat tidak setuju, 11% untuk tidak setuju, dan 10% untuk jawapan sangat setuju. Pernyataan seterusnya yang diajukan di bahagian ini adalah "saya bersedia sekiranya peratusan cukai GST yang dikenakan tidak membebankan pengguna", majoriti daripada responden iaitu 40.6% daripada responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 30.7% sangat setuju, 16.8% masih kurang pasti, 5.9% untuk kedua-dua skala jawapan iaitu tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Pernyataan keempat adalah berkaitan penerangan yang dibuat oleh kerajaan. "Saya bersedia sekiranya kerajaan membuat penerangan yang secukupnya sebelum GST dilaksanakan" 46.5% daripada responden sangat setuju dengan pernyataan ini dan daripada jumlah tersebut hanya 1% sahaja yang sangat tidak setuju untuk kerajaan memberi penerangan terlebih dahulu sebelum pelaksanaan dan 5% tidak setuju, 13.9% kurang pasti dan 33.7% setuju dengan pernyataan tersebut. Seterusnya, pernyataan kelima adalah "saya bersedia menerima pelaksanaan GST sekiranya kerajaan dapat hapuskan semua cukai-cukai tersembunyi seperti cukai import". Hampir dari separuh daripada responden menerima baik pernyataan ini, 42.6% sangat bersetuju dengan pernyataan ini, 32.7% bersetuju, 20.8% kurang pasti, hanya 1% tidak setuju, dan 3% sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. 37.6% kurang pasti apabila di ajukan pernyataan "saya tidak akan mengubah cara perbelanjaan saya terhadap barang normal seperti rumah, kereta, perabot dan pakaian walaupun GST dilaksanakan", manakala 33.7% lagi bersetuju dengan pernyataan tersebut. Akan tetapi masih ada lagi yang tidak bersetuju iaitu sebanyak 12.9% dan 9.9% sangat tidak setuju dan hanya 5.9% sangat setuju untuk tidak mengubah corak perbelanjaan mereka keatas barang normal walaupun GST di laksanakan.

Seterusnya responden ditanyakan berkenaan adakah GST akan menyebabkan mereka mengubah perbelanjaan mereka keatas barang keperluan asas, 45.5% setuju untuk mengubah perbelanjaan mereka keatas barangan keperluan asas setelah GST dilaksanakan. Manakala sebanyak 24.8% responden kurang pasti sama ada mereka mahu mengubahnya atau pun tidak. 12.9% responden sangat setuju bahawa mereka akan mengubah perbelanjaan, 9.9% lagi tidak bersetuju dan 6.9% lagi sangat tidak setuju. Penyataan seterusnya adalah “ saya akan lebih berhemah di dalam berbelanja” majoriti daripada responden bersetuju iaitu sebanyak 49.5% menghampiri separuh daripada jumlah keseluruhan responden. 28.7% lagi sangat bersetuju, 2% sangat tidak setuju dan tidak setuju, dan selebihnya masih kurang pasti adakah mereka akan lebih berhemah setelah GST dilaksanakan. Manakala 43.6% bersetuju bahawa mereka hanya akan berbelanja keatas barang yang mempunyai harga berpatutan sahaja apabila GST dilaksanakan. 34.7% lagi sangat bersetuju untuk lebih berhemah setelah GST dilaksanakan, 5.9 % tidak setuju dan 15.8% lagi kurang pasti. 38.6% kurang pasti sama ada mereka tidak akan berbelanja banyak selepas GST dilaksanakan, manakala 29.7% setuju bahawa mereka tidak akan berbelanja banyak selepas sistem cukai diubah, diikuti dengan 16.8% lagi sangat setuju dan 7.9% tidak setuju dan 6.9% lagi sangat tidak setuju. Skala “setuju” dan “sangat setuju” mendapat peratusan responden yang sama berkenaan adakah pengguna akan rasa lebih terbeban dengan harga barangan yang mahal apabila GST dilaksanakan iaitu sebanyak 32.7%. Manakala 24.8% lagi kurang pasti dan 5.9% lagi sangat tidak bersetuju dan 4% lagi juga tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Analisis Tabulasi Silang

Jadual 4 menunjukkan hubungan jumlah pendapatan kasar bulanan responden dengan kesediaan responden untuk membayar cukai GST sekiranya GST dilaksanakan di Malaysia. Berdasarkan jadual tersebut, jumlah responden yang paling ramai ialah pada tahap tidak pasti dan tahap setuju. Antara 101 responden yang terlibat, 33 orang masih tidak pasti sama ada mereka bersedia membayar cukai GST atau tidak, dan 26 orang responden yang lain bersetuju untuk membayar cukai GST. Jumlah pendapatan RM2,501 hingga RM4,000 mempunyai responden yang paling ramai, dan majoriti responden yang berada dalam lingkungan pendapatan ini masih tidak pasti samaada mereka bersedia atau tidak untuk membayar cukai GST.

Jadual 5 menunjukkan hubungan antara tingkat pendapatan kasar bulanan responden dengan kesediaan responden menerima kesan kebaikan cukai GST. Jumlah responden yang paling tinggi adalah pada tahap setuju, iaitu seramai 41 orang daripada 101 orang responden yang terlibat. Antara responden yang bersetuju ini, responden yang berada dalam lingkungan pendapatan kasar bulanan RM2,501 hingga RM4,000 adalah golongan responden yang paling banyak bersetuju sekaligus bersedia untuk menerima kesan kebaikan cukai GST iaitu sebanyak 12 orang, dan diantara 101 responden, lingkungan pendapatan ini juga mempunyai bilangan responden yang paling ramai iaitu seramai 30 orang responden. Besar kemungkinan pada tahap pendapatan ini, responden sudah boleh dikira sebagai golongan yang berkemampuan untuk menanggung perbelanjaan harian sekalipun GST dilaksanakan.

Jadual 6 menunjukkan hubungan pendapatan kasar bulanan responden dengan kesediaan responden menerima kadarperatusan GST yang tidak akan membebankan responden sebagai pengguna. Sebanyak 41 orang responden bersetuju untuk menerima kadarperatusan GST yang dikenakan oleh kerajaan tidak membebankan pengguna. Manakala 31 orang responden lagi juga turut sangat bersetuju GST dilaksanakan tidak akan membebankan pengguna. Antara responden yang bersetuju, responden yang berada dalam lingkungan pendapatan RM1,001 hingga RM2,500 merupakan majoriti yang bersetuju bahawa kadar cukai GST yang di tetapkan oleh kerajaan tidak akan membebankan mereka sebagai pengguna.

Manakala Jadual 7 pula menunjukkan hubungan kesediaan pengguna ataupun responden dalam menerima pelaksanaan GST tanpa cukai-cukai yang tersembunyi dengan pendapatan kasar bulanan responden. Seramai 43 orang responden sangat bersetuju untuk menerima pelaksanaan GST tanpa di kenakan sebarang cukai-cukai tersembunyi yang lain. 17 orang dari pada responden yang sangat bersetuju ini mempunyai pendapatan kasar mereka dalam lingkungan RM2,501 hingga RM4,000 sebulan. Terdapat 3 orang responden memperoleh pendapatan kasar mereka lebih dari RM8,501, dan ketiga-tiga responden tersebut sangat bersetuju jika GST yang akan di laksanakan nanti tidak dikenakan sebarang cukai-cukai yang tersembunyi.

Jadual 8 di bawah menunjukkan adakah tahap pendidikan responden mempengaruhi pengetahuan responden mengenai GST. Dari keseluruhan responden, 78 orang responden tahu mengenai GST dimana 42 daripada mereka merupakan golongan berpendidikan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas, manakala 14 orang responden lagi berkelulusan Diploma, 5 orang berkelulusan Sijil, 15 orang lagi merupakan lepasan SPM, dan 2 orang bakinya mempunyai lain-lain kelulusan. Mengikut

kepada keputusan analisis ini, ketinggian kelulusan itu tidak menggambarkan seseorang itu tahu mengenai GST, kerana jumlah responden yang tahu mengenai GST dan berkelulusan SPM lebih besar daripada yang berkelulusan Diploma. Untuk mengetahui tentang GST tidak hanya bergantung kepada tahap pendidikan samata-mata, terdapat juga faktor-faktor lain seperti contoh melalui pembacaan dan sebagainya.

Jadual 9 pula menunjukkan tahap pendidikan responden dengan pengetahuan mengenai GST. Pengetahuan ini merujuk kepada sejauh mana mereka tahu mengenai barangan dan perkhidmatan yang akan dikenakan cukai GST adakah semua barang dan perkhidmatan akan dikenakan GST? Jawapannya tidak. Terdapat 45 orang responden memberi jawapan yang tepat dimana 24 daripadanya adalah responden yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas, dan jumlah ini adalah jumlah yang paling besar menjawab dengan tepat. Ini menunjukkan tahap pendidikan sedikit sebanyak menjadi faktor utama untuk melihat sejauh mana pengetahuan dan kefahaman pengguna mengenai GST.

Manakala Jadual 10 adalah menjelaskan tahap pengetahuan seterusnya responden mengenai GST ini perlu kepada pembacaan yang lebih mendalam, untuk memahami dan mengetahuinya responden perlu memahami sebab-sebab mengapa pengecualian tersebut diberikan kepada barangan dan perkhidmatan tertentu sahaja. Dapatan analisis ini menunjukkan bahawa walaupun jumlah responden yang berjaya menjawab dengan tepat soalan di atas adalah yang tertinggi, namun jumlah tersebut didominasi oleh golongan berpendidikan Ijazah Sarjana Muda dan Ke atas. Melihat kepada responden yang hanya berkelulusan lepasan SPM mereka masih tidak pasti dengan pernyataan tersebut, 14 orang daripada mereka menjawab tidak pasti sama ada terdapat pengecualian GST atau tidak ke atas beberapa barangan dan perkhidmatan. Maka, melalui analisis ini, tahap pendidikan yang lebih tinggi diperlukan untuk mereka tahu serta faham mengenai perkara-perkara seperti ini.

KESIMPULAN

Pelaksanaan dan pengurusan GST yang baik disamping mendapat kerjasama pelbagai pihak mampu memberi impak yang besar. Ia juga dikatakan boleh meningkatkan hasil negara melalui peningkatan kadar pematuhan cukai. Walaupun pelaksanaan dan pengurusan sistem GST dianggap mencabar, namun tempoh yang selesa dan sesuai sebelum pelaksanaannya diperlukan bagi membolehkan semua orang bersedia dan faham serta didedahkan kepada sistem cukai GST ini lebih adil daripada cukai jualan dan perkhidmatan yang sedia ada.

Hasil kajian ini mendapati tahap kefahaman sejumlah 77% bagi rakyat Malaysia di kawasan yang dikaji memahami dan mengetahui akan perancangan kerajaan yang akan melaksanakan sistem pungutan cukai baru iaitu GST, namun begitu sebanyak 53% menyatakan bahawa GST tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia. Kajian ini didapati hampir separuh responden tidak memahami apa yang dimaksudkan tentang GST. In jelas dapat dilihat di dalam soalan berapa kadar GST, adakah GST hanya dikenakan semasa berbelanja, semua barang dan perkhidmatan dikenakan cukai GST dan pengecualian cukai GST terhadap barangan asas. Manakala dari segi kesediaan mereka membayar cukai GST sekiranya GST dilaksanakan di Malaysia, didapati hampir 70% belum lagi bersedia dan tidak pasti.

Hasil kajian mendapati pembolehubah pendapatan kasar bulanan responden mempunyai hubungan positif dengan cukai GST. Ini menunjukkan bahawa responden sanggup untuk membayar cukai GST apabila kemampuan membayarnya meningkat. Penambahan atau pengurangan pendapatan responden juga memberi kesan kepada kesediaan pengguna membayar cukai GST.

Selain itu juga, tahap pendidikan juga digunakan untuk mengukur tahap kefahaman responden. Tahap pendidikan responden meningkat, akan meningkatkan tahap kefahaman responden terhadap GST, hubungan kedua-dua pemboleh ubah ini adalah positif. Semakin tinggi pendidikan responden maka responden itu akan makin faham mengenai GST. Ini kerana apabila satu-satu dasar itu mula ingin di perkenalkan oleh kerajaan, responden akan membuat kajian akan keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut. Begitu juga dengan pelaksanaan GST ini, responden yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi akan membuat kajian serba sedikit tentang keberkesanan pelaksanaan kesannya responden akan lebih faham

akan pelaksanaan GST kelak.

RUJUKAN

Abdul Aziz Awang (2010). Pelaksanaan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST). Capaian http://www.icu.gov.my/pdf/artikel/gst_artikel.pdf

- _____ (2011). Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan. *Reformasi percukaian* , 1-8.
- Ahkong dan Alain. (1993). *singapore prepares to impose a goods and services tax*. Washington: East Asian Executive Reports.
- Bank Negara Malaysia. (2010). Laporan Tahun Bank Negara Malaysia, capaian http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2010/ar2010_buku.pdf
- Bhupalan dan Renuka. (2011). Here or gone. *Malaysian Business* , 1-7.
- Chan, A. (2010). Grappling with the goods and services tax. *Malaysian Business*. .
- Devlin, P. (2009). Getting GST-ready. *Malaysian Business*, capaian http://www.slideshare.net/Becky_BLT/are-malaysian-businesses-ready-for-a-goods-and-service-tax
- Lim dan Lisa (2007). GST advance ruling system to be introduced. *International Taxation* .
- Nor Zahidi Alias. (2012). Hard decision ahead. *Malaysian Business* , 26-35.
- Parsch, K. & Pietrzak, S. (2007). Arthrogyrosis multiplex congenita, *Der Orthopade*, 36(3) 281-292
- Prabhu, A. (1999). Singapore. *International tax review* , 77-80.
- Singh, V. (2007). The truth about GST. *Malaysian Bussines*.
- Yeo Kai Eng. (2007). *You and the Taxman: Insights on tax issues that matter*. Ernst & Young. Hock Cheong Printing Pte Ltd.

JADUAL 1: Taburan Kekerapan Responden

Maklumat	Frekuensi Responden	peratusan Responden (%)
Jantina Responden		
Lelaki	36	35.6
Perempuan	65	64.4
Total	101	100.0
Umur Responden		
20-25	20	19.8
26-29	11	10.9
30-35	15	14.9
36-40	10	9.9
41-45	7	6.9
46-50	17	16.8
51-55	18	17.8
56 dan ke atas	3	3.0
Total	101	100.0
Kumpulan Pekerjaan Responden		
Kumpulan A (Ijazah Sarjana Muda &Keatas)	52	44.6
Kumpulan B (Diploma)	16	14.9
Kumpulan C (Sijil)	5	7.9
Kumpulan D (SPM dan setara)	25	27.7
Kumpulan E (Lain-Lain)	3	5.0
Total	101	100.0
Sektor Pekerjaan Responden		
Sektor Awam	81	80.2
Sektor Swasta	8	7.9
Bekerja Sendiri	12	11.9
Total	101	100.0
Jumlah Pendapatan Kasar Bulanan Responden		
Kurang dari RM 1000	18	17.8
RM 1001 – RM 2500	24	23.8
RM 2501 – RM 4000	30	29.7
RM 4001 – RM 5500	9	8.9
RM 5501 – RM 7000	11	10.9
RM 7001 – RM 8500	6	5.9
Lebih dari RM 8501	3	3.0
Total	101	100.0
Status Perkahwinan Responden		
Berkahwin	71	70.3

Bujang	30	29.7
Total	101	100.0
Jumlah Responden		
Pendapatan Kasar		
Pasangan		
Tiada Kaitan	28	27.7
Tiada (tidak bekerja)	8	7.9
Kurang dari RM 1000	11	10.9
RM 1001 – RM 2500	16	15.8
RM 2501 – RM 4000	11	10.9
RM 4001 – RM 5500	11	10.9
RM 5501 – RM 7000	10	9.9
RM 7001 – RM 8500	3	3.0
Lebih dari RM 8501	3	3.0
Total	101	100.0
<hr/>		
Jumlah Tanggungan Responden (termasuk pasangan, anak- anak dan ibu bapa)		
Tiada	27	26.7
1 orang	4	4.0
2 orang	5	5.0
3 orang	17	16.8
4 orang	16	15.8
5 orang	14	13.9
6 orang	9	8.9
7 orang	5	5.0
8 orang	2	2.0
9 orang	1	1.0
10 orang	1	1.0
Total	101	100.0

JADUAL 2: Tahap Kefahaman Responden Terhadap GST

Pernyataan	Frekuensi Responden	Peratusan Responden (%)
Adakah anda tahu mengenai GST?		
Ya	78	77.2
Tidak	23	22.8
Total	101	100
Adakah anda rasa GST sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia?		
Ya	48	47.5
Tidak	53	52.5
Total	101	100.0
Bagaimana anda tahu mengenai GST?		
Melalui laman sesawang	44	43.6
Melalui pembacaan surat khabar	46	45.5
Melalui televisyen	31	30.7
Melalui radio	13	12.9
Melalui cerita kawan-kawan	35	34.7
Lain-lain	18	17.8
Adakah anda tahu berapa kadar GST yang ditetapkan oleh kerajaan?		
4%	22	21.8
5%	17	16.8
6%	9	8.9
Lain-lain	3	3.0
Tidak tahu	50	49.5
Adakah anda tahu GST hanya dikenakan semasa anda berbelanja sahaja?		
Ya	48	47.5
Tidak	17	16.8
Tidak pasti	36	35.6
Adakah semua barang dan perkhidmatan dikenakan cukai		

GST?			
	Ya	13	12.9
	Tidak	45	44.6
	Tidak pasti	43	42.6
Adakah anda tahu terdapat pengecualian cukai GST terhadap makanan asas seperti (beras, gula, minyak, dan lain-lain) dan perkhidmatan asas seperti (kesihatan, pendidikan, pengangkutan awam, dan lain-lain)?			
	Ya	44	43.6
	Tidak	15	14.8
	Tidak pasti	42	41.6

JADUAL 3: Tahap Kesediaan Responden Menghadapi GST

Pernyataan	Frekuensi Responden	Peratusan Responden (%)
Saya bersedia membayar cukai GST sekiranya GST dilaksanakan di Malaysia.		
Sangat tidak setuju	23	22.8
Tidak setuju	14	13.9
Kurang pasti	33	32.7
Setuju	26	25.7
Sangat setuju	5	5.0
total	101	100.0
Saya bersedia menerima kesan kebaikan cukai GST.		
Sangat tidak setuju	9	8.9
Tidak setuju	11	10.9
Kurang pasti	30	29.7
Setuju	41	40.6
Sangat setuju	10	9.9
total	101	100.0
Saya bersedia sekiranya peartusan cukai GST yang di kenakan tidak membebankan pengguna.		
Sangat tidak setuju	6	5.9
Tidak setuju	6	5.9
Kurang pasti	17	16.8
Setuju	41	40.6
Sangat setuju	31	30.7
Total	101	100.0
Saya bersedia sekiranya kerajaan membuat penerangan yang secukupnya sebelum melaksanakan GST.		
Sangat tidak setuju	1	1.0
Tidak setuju	5	5.0
Kurang pasti	14	13.9
Sangat setuju	34	33.7
Setuju	47	46.5
Total	101	100.0
Saya bersedia menerima pelaksanaan GST sekiranya kerajaan dapat hapuskan semua cukai-cukai tersembunyi seperti cukai import.		
Sangat tidak setuju	3	3.0
Tidak setuju	1	1.0
Kurang pasti	21	20.8
Setuju	33	32.7
Sangat setuju	43	42.6
Total	101	100.0
Saya tidak akan mengubah cara perbelanjaan saya terhadap barang normal seperti rumah, kereta, perabot dan pakaian walaupun GST di laksanakan.		
Sangat tidak setuju	10	9.9

Tidak setuju	13	12.9
Kurang pasti	38	37.6
Setuju	34	33.7
Sangat setuju	6	5.9
Total	101	100.0
Saya tidak akan mengubah cara perbelanjaan saya terhadap barang keperluan asas seperti gula, beras, dan sayuran walaupun GST di laksanakan.		
Sangat tidak setuju	10	9.9
Tidak setuju	13	12.9
Kurang pasti	38	37.6
Setuju	34	33.7
Sangat setuju	6	5.9
Total	101	100.0
Saya tidak akan mengubah cara pebelanjaan saya terhadap barang mewah seperti barang yang berjenama (branded) walaupun GST dilaksanakan.		
Sangat tidak setuju	17	16.8
Tidak setuju	19	18.8
Kurang pasti	48	47.5
Setuju	14	13.9
Sangat setuju	3	3.0
Total	101	100.0
Saya akan berhemah di dalam berbelanja.		
Sangat tidak setuju	2	2.0
Tidak setuju	2	2.0
Kurang pasti	12	17.8
Setuju	50	49.5
Sangat setuju	29	28.7
Total	101	100.0
Saya hanya berbelanja ke atas barang yang mempunyai harga yang berpatutan sahaja.		
Tidak setuju	6	5.9
Kurang pasti	16	15.8
Setuju	44	43.6
Sangat setuju	35	34.7
Total	101	100.0
Saya tidak akan berbelanja banyak selepas GST di laksanakan.		
Sangat tidak setuju	7	6.9
Tidak setuju	8	7.9
Kurang pasti	39	38.6
Setuju	30	29.7
Sangat setuju	17	16.8
Total	101	100.0
Saya akan lebih terbeban dengan harga barangan yang mahal apabila GST di laksanakan.		
Sangat tidak setuju	6	5.9
Tidak setuju	4	4.0
Kurang pasti	25	24.8
Setuju	33	32.7
Sangat setuju	33	32.7
Total	101	100.0

JADUAL 4: Hubungan Pendapatan Kasar Bulanan Responden Dengan Kesiediaan Membayar Cukai GST Di Malaysia

Jumlah Pendapatan Kasar Bulanan Responden	Saya bersedia membayar cukai GST sekiranya GST di laksanakan di Malaysia					Total
	sangat tidak setuju	tidak setuju	kurang pasti	setuju	sangat setuju	
Kurang dari RM1000	1	1	6	8	2	18
RM1001 - RM 2500	4	2	12	6	0	24
RM 2501 - RM 4000	6	6	12	5	1	30
RM 4001 - RM 5500	6	3	0	0	0	9
RM 5501 - RM 7000	3	1	2	5	0	11
RM 7001 - RM 8500	1	1	1	2	1	6
Lebih dari RM 8501	2	0	0	0	1	3
Total	23	14	33	26	5	101

JADUAL 5: Hubungan Pendapatan Kasar Bulanan Responden Dengan Kesiediaan Menerima Kesan Kebaikan Cukai GST

Jumlah Pendapatan Kasar Bulanan Responden	Saya bersedia menerima kesan kebaikan cukai GST					Total
	sangat tidak setuju	tidak setuju	kurang pasti	Setuju	sangat setuju	
Kurang dari RM1000	1	2	3	10	2	18
RM1001 - RM 2500	0	1	11	9	3	24
RM 2501 - RM 4000	4	2	10	12	2	30
RM 4001 - RM 5500	3	3	1	2	0	9
RM 5501 - RM 7000	0	2	2	6	1	11
RM 7001 - RM 8500	0	1	2	2	1	6
Lebih dari RM 8501	1	0	1	0	1	3
Total	9	11	30	41	10	101

JADUAL 6: Hubungan Pendapatan Kasar Bulanan Responden Dengan Kesiediaan Responden Menerima GST Tanpa Membebankan Responden Sebagai Pengguna

Jumlah Pendapatan Kasar Bulanan Responden	Saya bersedia sekiranya peratusan cukai GST yang dikenakan tidak membebankan pengguna					Total
	sangat tidak setuju	tidak setuju	kurang pasti	setuju	sangat setuju	
Kurang dari RM1000	1	0	2	9	6	18
RM1001 - RM 2500	1	2	4	12	5	24
RM 2501 - RM 4000	1	2	4	11	12	30
RM 4001 - RM 5500	1	1	3	3	1	9
RM 5501 - RM 7000	1	1	2	4	3	11
RM 7001 - RM 8500	0	0	1	2	3	6
Lebih dari RM 8501	1	0	1	0	1	3
Total	6	6	17	41	31	101

JADUAL 7: Hubungan Jumlah Pendapatan Kasar Bulanan Responden Dengan Kesiediaan Responden Sebagai Pengguna Menerima GST Sekiranya Semua Cukai-Cukai Tersembunyi Dihapuskan

Jumlah Pendapatan Kasar Bulanan Responden	Saya bersedia menerima pelaksanaan GST sekiranya kerajaan dapat hapuskan semua cukai-cukai tersembunyi seperti cukai import					Total
	sangat tidak setuju	tidak setuju	kurang pasti	setuju	sangat setuju	
Kurang dari RM1000	1	0	7	4	6	18
RM1001 - RM 2500	0	0	7	10	7	24
RM 2501 - RM 4000	0	1	2	10	17	30
RM 4001 - RM 5500	1	0	1	3	4	9
RM 5501 - RM 7000	1	0	3	5	2	11
RM 7001 - RM 8500	0	0	1	1	4	6
Lebih dari RM 8501	0	0	0	0	3	3
Total	3	1	21	33	43	101

JADUAL 8: Hubungan Tahap Pendidikan Responden Dengan Pengetahuan Tentang GST I

Tahap Pendidikan Responden	Adakah anda tahu mengenai GST		Total
	Ya	Tidak	
Ijazah Sarjana Muda dan Ke atas	42	10	52
Diploma	14	2	16
Sijil	5	0	5
SPM	15	10	25
Lain-lain	2	1	3
Total	78	23	101

JADUAL 9: Hubungan Tahap Pendidikan Dengan Pengetahuan GST II

Tahap Pendidikan Responden	Adakah semua barang dan perkhidmatan dikenakan GST?			Total
	Ya	Tidak	Tidak Pasti	
Ijazah Sarjana Muda dan Ke atas	9	24	19	52
Dipaloma	2	9	5	16
Sijil	0	2	3	5
SPM	2	8	15	25
Lain-lain	0	2	1	3
Total	13	45	43	101

JADUAL 10: Hubungan Tahap Pendidikan Dengan Pengetahuan Mengenai GST III

Tahap Pendidikan Responden	Adakah anda tahu terdapat pengecualian cukai GST terhadap makanan asas (seperti beras, gula, minyak dan lain-lain) dan perkhidmatan asas (seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan awam dan lain-lain)?			Total
	Ya	Tidak	Tidak pasti	
Ijazah Sarjana Muda dan Ke atas	26	7	19	52
Dipaloma	8	4	4	16
Sijil	1	1	3	5
SPM	8	3	14	25
Lain-lain	1	0	2	3
Total	44	15	42	101